

25 JUN 2002

Mohamed-Kenyataan

KENYATAAN DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL MENGENAI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Berikut kenyataan Dewan Tertinggi Barisan Nasional yang dibacakan oleh Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat pada persidangan media selepas mesyuarat khas dewan itu di sini hari ini:

"Mesyuarat Khas Dewan Tertinggi Barisan Nasional yang diadakan hari ini adalah untuk menerima laporan hasil pertemuan di antara YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Umno merangkap Pengerusi Barisan Nasional, dengan pemimpin-pemimpin kanan Umno yang telah diadakan pada 23 Jun 2002 jam 9 pagi di Seri Perdana di Putrajaya.

"Setelah Dewan Tertinggi Barisan Nasional mendengar laporan dan berbincang mengenai perkara tersebut, maka Majlis Tertinggi Barisan Nasional mengambil maklum perkara-perkara berikut:

"1. Dewan Tertinggi Barisan Nasional menerima laporan daripada Timbalan Presiden Umno merangkap Timbalan Pengerusi Barisan Nasional di mana YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghargai kepercayaan ahli-ahli komponen Barisan Nasional dan rakyat agar beliau terus menerajui kepimpinan Barisan Nasional dan negara. Walau bagaimanapun YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memutuskan untuk tetap berundur dan melepaskan semua jawatan beliau dalam Umno, Barisan Nasional dan Kerajaan.

"2. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menetapkan YAB Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai pengganti beliau.

"3. YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menetapkan peletakan jawatan beliau akan berlaku selepas Persidangan Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diadakan pada 24 hingga 25 Oktober 2003.

"4. Dalam tempoh masa sebelum persidangan OIC tersebut, YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus memegang semua jawatan beliau dalam Umno, Barisan Nasional dan Kerajaan termasuk jawatan Menteri Kewangan.

"5. Dalam tempoh masa sebelum persidangan OIC tersebut, YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengambil cuti selama dua bulan, di mana YAB Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi akan dilantik sebagai Pemangku Presiden Umno dan Pemangku Perdana Menteri. Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi juga akan memangku jawatan Pengerusi Barisan Nasional dan pemangku Perdana Menteri pada bila-bila masa yang lain Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil cuti dalam tempoh masa tersebut.

"6. YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menjelaskan bahawa masa peletakan jawatan sepertimana yang ditetapkan adalah untuk membolehkan peralihan kuasa dan tugas-tugas secara teratur dan juga untuk memenuhi tanggungjawab yang beliau merasakan perlu dipenuhi, seperti mempengerusikan Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali pada 24 dan 25 Februari 2003 dan juga Persidangan Kemuncak OIC.

"7. YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menjelaskan bahawa selepas peletakan jawatan dalam Umno, Barisan Nasional dan Kerajaan, beliau akan terus menyumbang tenaga dan pandangan untuk kemajuan Barisan Nasional dan negara.

"Maka setelah mendengar dan menerima penjelasan itu tadi, Dewan Tertinggi Barisan Nasional telah membuat keputusan-keputusan berikut:

"1. Dewan Tertinggi Barisan Nasional menghormati dan menerima dengan baik hasrat YAB Datuk Dr Mahathir Mohamad untuk bersara seperti yang telah dinyatakan tadi.

"2. Dewan Tertinggi Barisan Nasional juga menyeru ahli-ahli komponen Barisan Nasional untuk menghormati dan menerima dengan baik hasrat yang

telah disampaikan oleh YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu. Ahli-ahli komponen Barisan Nasional pada waktu ini dirasakan perlu bersatu bersama-sama mengukuhkan kedudukan Barisan Nasional bagi menghadapi cabaran dan meneruskan perjuangan untuk bangsa, agama dan negara.

"3. Dewan Tertinggi Barisan Nasional hari ini menyambut baik dan menyokong penuh saranan atau cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai pemangku Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional, dan Barisan Nasional akan terus memberi sokongan penuh kepada beliau dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi semasa beliau memegang jawatan tersebut.

"4. Dewan Tertinggi Barisan Nasional juga memutuskan untuk memberi kepercayaan penuh dan berdiri teguh di belakang Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai pengganti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau bersara nanti."

-- BERNAMA
RZS AZZ MAI